



NEGERI SELANGOR

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF SELANGOR GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

Jil. 56  
No. 18

**28hb Ogos 2003**

*TAMBAHAN No.11  
PERUNDANGAN*

---

**Sel. P.U. 31.**

## ENAKMEN PENTADBIRAN PERUNDANGAN ISLAM 1989

### FATWA TENTANG HUKUM ZAKAT KE ATAS FIRMA-FIRMA DAN SYARIKAT KONSULTAN

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 31(1) dan seksyen 32 Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam 1989 [*En. 2/1989*], Mufti bagi Negeri Selangor, selepas berbincang dengan Jawatankuasa Perunding Hukum Syara', membuat fatwa seperti yang dinyatakan dalam Jadual.

## ADMINISTRATION OF ISLAMIC LAW ENACTMENT 1989

### FATWA ON HUKUM ZAKAT KE ATAS FIRMA-FIRMA DAN SYARIKAT KONSULTAN

In exercise of the powers conferred by subsection 31(1) and section 32 of the Administration of Islamic Law Enactment 1989 [*En. 2/1989*], the Mufti for the State of Selangor, after discussions with the Islamic Legal Consultative Committee, makes the *fatwa* as specified in the Schedule.

### JADUAL/SCHEDULE

- (1) Mengikut Kamus Dewan edisi baru Dewan Bahasa & Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia Kuala Lumpur 1991, hal. 651 Konsultan bermaksud pakar runding, iaitu khidmat pakar runding bagi sesuatu projek yang akan dilaksanakan oleh sesuatu pihak.

(2) Wajib zakat bagi firma-firma dan syarikat konsultan yang memiliki syarat-syarat wajib zakat.

(3) Ini adalah berdasarkan hujjah seperti berikut:

3.1 Para ulama' dari kalangan Sahabat, Tabiin dan Fuqaha' telah bersepakat mengatakan bahawa pemilik-pemilik syarikat perniagaan dan perkhidmatan adalah wajib mengeluarkan zakat apabila mencukupi syarat-syaratnya. Pendapat tersebut berdasarkan ayat al-Quran Surah Al-Baqarah ayat 267 iaitu:

(a) Firman Allah S.W.T

Maksudnya:

“Wahai orang-orang yang beriman hendaklah kamu membelanjakan harta kamu yang baik-baik iaitu hasil daripada yang kamu usahakan dari harta-harta yang kami keluar untuk kamu dari bumi.”

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَنْفِقُوا مِنْ طَيِّبَاتِ مَا كَسَبْتُمْ وَمِمَّا أَخْرَجْنَا لَكُمْ مِنَ الْأَرْضِ

(Al-Baqarah: 267)

كَسَبْتُمْ

Para ulama' mentafsirkan perkataan

Dengan erti “berbagai usaha halal yang dilakukan oleh manusia” sama ada usaha perniagaan, perindustrian, pertanian dan sebagainya. Tidak kira usaha itu dilakukan secara perseorangan atau syarikat.

(b) Dalam satu hadis Rasulullah S.A.W telah bersabda:

وَلَا يَجْمَعُ بَيْنَ مَفْرُقٍ وَلَا يَفْرُقُ بَيْنَ مُجْمِعٍ خَشْيَةَ الصَّدَقَةِ

Maksudnya:

“Tidak dihimpunkan antara yang berpisah dan tidak dipisahkan antara yang berhimpun kerana takut mengeluarkan zakat.”

(Riwayat Ibnu Majah)

Di sini dapat disimpulkan bahawa beberapa individu yang berada dalam satu syarikat atau perkumpulan maka dianggap satu, tanpa dipisah-pisahkan antara satu sama lain.

(c) Di dalam hadis lain dinyatakan bahawa Rasulullah S.A.W bersabda:

عَنْ سَعْرَةَ قَالَ: إِنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ  
كَانَ يَأْمُرُنَا أَنْ نُخْرِجَ الصَّدَقَةَ مِنَ الَّذِي يُعَدُّ لِلْبَيْعِ  
(رواه أبو داود)

3.2 Apabila sebuah syarikat atau firma ditubuhkan dengan akad dan niat untuk menjalankan perniagaan, maka syarikat tersebut dikenakan zakat syarikat. Ini tertakluk kepada syarat-syarat zakat perniagaan yang dikenakan kepada orang perseorangan iaitu dengan kadar 2.5%.

Dibuat 24 Julai 2002

Made 24 July 2002

[Mufti Sel. 500-2; PU. Sel. AGM/0007 Jld. 2]

DATO' HAJI MOHD TAMYES BIN ABD. WAHID  
*Dato' Seri Utama Diraja Mufti,  
Negeri Selangor*